



17 NOV, 2021

Pegawai JKM mengaku tidak bersalah guna wang bantuan baiki rumah

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Pegawai JKM mengaku tidak bersalah guna wang bantuan baiki rumah

ALOR SETAR - Seorang pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengaku tidak bersalah atas tiga pertuduhan menyalahgunakan wang bantuan membaiki rumah berjumlah RM9,000 pada tahun 2016 dan 2017.

Tertuduh, Mohamad Zarir Mohamad Khozali, 41, membuat pengakuan tersebut di hadapan Hakim Harmi Thamri Mohamad@Shaharudin di Mahkamah Sesyen Alor Setar pada Selasa.

Bagi pertuduhan pertama, tertuduh didakwa menyalahgunakan wang bantuan membaiki rumah RM3,000 kepunyaan P Nagajothi di Pejabat JKM Kulim pada 15 Mac 2017.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh didakwa menyalahgunakan wang bantuan membaiki rumah RM3,000 kepunyaan Umi Kalsom Awang di lokasi sama pada 19 September 2016.

Bagi pertuduhan ketiga, tertuduh sekali lagi didakwa menyalahguna-



Mohamad Zarir (kiri) keluar dari Mahkamah Sesyen Alor Setar selepas didakwa atas tiga pertuduhan menyalahgunakan wang bantuan membaiki rumah pada Selasa.

kan wang bantuan membaiki rumah RM3,000 kepunyaan M Jothi pada 15 Mac 2017 di lokasi sama.

Mohamad Zarir telah dituduh mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara tidak kurang enam bulan atau tidak lebih dari lima tahun dan dengan sebat serta denda.

Sementara itu, Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kedah, Mohd Zulfadli Azharudin mencadangkan

kepada mahkamah agar tertuduh diberi jaminan RM10,000 bagi setiap pertuduhan.

Namun Mohamad Zarir yang diwakili peguam, Mohd Hakim Hamran merayu agar ikat jamin dapat dikurangkan kerana tertuduh mempunyai tanggungan seorang isteri serta empat orang anak selain menanggung kedua ibu bapa.

Harmi Thamri kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM15,000 dan menetapkan semula sebutan kes pada 16 Disember depan.



17 NOV, 2021

Pegawai JKM mengaku tidak bersalah guna wang bantuan baiki rumah

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

ALOR SETAR - Seorang pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengaku tidak bersalah atas tiga pertuduhan menyalahgunakan wang bantuan membaiki rumah berjumlah RM9,000 pada tahun 2016 dan 2017. Tertuduh, Mohamad Zarir Mohamad Khozali, 41, membuat pengakuan tersebut di hadapan Hakim Harmi Thamri Mohamad@Shaharudin di Mahkamah Sesyen Alor Setar pada Selasa. Bagi pertuduhan pertama, tertuduh didakwa menyalahgunakan wang bantuan membaiki rumah RM3,000 kepunyaan P Nagajothi di Pejabat JKM Kulim pada 15 Mac 2017.